



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22/12/2018

Waytha 'liabiliti' kepada PM: Kadir Jasin

BH - 22/12/2018
m/d:5

Kuala Lumpur: Pengerusi Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (HINDRAF), P Waytha Moorthy perlu berundur sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), kerana hilang kelayakan menjaga perpaduan nasional.

Desakan itu dibuat penulis blog *The Scribe*, Datuk A Kadir Jasin, yang ditujukan kepada menteri berkenaan apabila bersetuju dengan sentimen umum bahawa Waytha Moorthy sudah hilang kelayakan selepas 'perbuatannya' memecahbelahkan masyarakat.

Beliau berkata, Waytha Moorthy sudah menjadi 'liabiliti' kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan dinasihatkan meletak jawatan secara sukarela.

"Sekarang saya setuju dengan sentimen umum bahawa Waytha Moorthy hilang kelayakan dan kedudukan untuk terus menjadi menteri, apatah lagi menteri yang menjaga perpaduan nasional.

Watak memecah belah

"Beliau menjadi watak yang memecahbelahkan. Elok beliau menarik diri sukarela daripada membebankan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, walaupun Tun berkata beliau 'puas hati' dengan Waytha Moorthy.

"Minta maaf kalau saya kata, Waytha Moorthy diberi peluang dan penghormatan amat tinggi menjadi anggota Kabinet, tetapi mensia-siakannya," katanya dalam penulisan terbaru di *The Scribe*, semalam.

Pada kejadian awal pagi 27 November lalu, Muhammad Adib Mohd Kassim yang juga anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya, parah dipercayai dipukul sekumpulan perusuh di hadapan Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya.